



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 29 SEPTEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	PIG FARMS IN TANJUNG SEPAT FOUND CONTRIBUTING TO POLLUTION, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -4 CARA KONVENSIONAL TERNAK BABI PUNCA PENCEMARAN AIR, NEGARA, KOSMO -17 TERNAK BABI SECARA TERBUKA CEMAR SUMBER AIR DI KUALA LANGAT, NASIONAL, BH -20 TERUS MASUK SUNGAI, MUKA DEPAN, HM -1 TAUKE TAK GUNA CARA PENTERNAKAN TERTUTUPI, LOKAL, HM -3 PENGUSAHA BABI DI ARAH BERSIH LADANG, DALAM NEGERI, UM 5	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (DVS)
7. 8.	19 NELAYAN VIETNAM DITAHAN, NASIONAL, BH -21 RAMPAS HASIL LAUT RM3.1 JUTA, LOKAL, HM -18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
9.	TALI AIR PENUH SEMAK SAMUN DIBERSIH HUJUNG BULAN INI, NEGARA, KOSMO -16	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
10.	AGROBANK LANCAR PROGRAM KAFE, KOPERASI TANPA TUNAI, EKONOMI, UM -35	AGROBANK
11. 12. 13.	BAJA PADI, RACUN SERANGGA PERLU JADI BARANG KAWALAN KURANG BEBAN PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -5 BAJA, RACUN SERANGGA JADI BARANG KAWALAN, NEGARA, KOSMO -4 JADIKAN BAJA, RACUN BARANG KAWALAN, NEGERI SELANGOR, SH -24	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
14. 15.	MESIN PENCINCANG M'SReD BANTU LUPUS KULIT DURIAN, GAYA INOVASI, UM -26 ATASI PENCEMARAN, GAYA INOVASI, UM -27	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Pig farms in Tanjung Sepat found contributing to pollution

SHAH ALAM: Inadequate methods of pig farming and pollution control have been identified as the cause of water pollution plaguing residents of Tanjung Sepat in Kuala Langat, near here.

State Tourism, Environment, Green Technology and Orang Asli Affairs Committee chairman Hee Loy Sian said a visit to several pig farms in Tanjung Sepat on Sept 23 found farm operators do not use the closed house method.

As for sewage management, he said livestock excrement is collected in reservoirs inside the premises, causing the effluent to be

discharged into drains and coastal waters.

"As such, the Veterinary Services Department (VSD) will instruct all operators involved to carry out cleaning and maintenance work on livestock farms and sewage systems immediately.

"Livestock excrement also needs to be disposed outside the farm area and sent to authorised disposal sites," he said in a statement yesterday.

He was responding to a report by a local daily that pig farming activities in the Tanjung Sepat area had caused odour pollution and water drainage problems for residents for

almost 30 years.

Hee said the Selangor Water Management Authority would also instruct the relevant land owners to immediately carry out works to improve the drainage system and conduct water quality sampling, adding that legal action will be taken if there is any element of pollution.

"For long-term measures, I will hold further discussions with state Infrastructure and Public Amenities, Agriculture Modernisation and Agro-Based Industry Committee chairman Izham Hashim to organise a dialogue session with associations and all pig

farm operators in Selangor.

"The VSD will coordinate planning and streamline the management of livestock operations with related farm operators. The main goal is to have a systematic sewage management which does not pollute nearby water sources," he said.

Hee added that based on VSD records, there are 118 active pig farms in the Kuala Langat district and a small part in the Sepang district.

"These farming activities are run on plots of land with agricultural status. All these premises operate with licences registered by the VSD."

-Bernama



LOY SIAN (kiri) bersama Pengarah LUAS, Hasrolnizam Shaari ketika meninjau lokasi pencemaran air di Kuala Langat baru-baru ini.

Cara konvensional ternak babi punca pencemaran air

SHAH ALAM - Pencemaran sumber air yang dihadapi penduduk Tanjung Sepat, Kuala Langat dekat sini ekoran perternakan babi adalah berpunca daripada kaedah ternakan dan kawalan pencemaran konvensional yang digunakan premis berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli negeri, Hee Loy Sian berkata, hasil lawatan bersama agensi terlibat mendapati premis menternak babi itu tidak menggunakan kaedah penternakan tertutup (*close house*) seperti kaedah *Modern Pig Farming*.

Katanya, pengurusan kumbahari najis ternakan hanya melalui pengumpulan di kolam-kolam takungan di dalam premis ternakan.

Katanya, keadaan itu menyebabkan effluen daripada

kolam telah disalurkan ke perparitan di luar premis dan akhirnya ke perairan pantai.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) akan mengarahkan semua pengusaha terlibat untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan ke atas ladang ternakan dan sistem kumbahan dengan segera.

"Najis-najis ternakan perlu dilupuskan di luar kawasan ladang ternakan dan dihantar ke tapak pelupusan yang dibenarkan," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau memberitahu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) juga akan mengarahkan pemilik tanah berkaitan untuk melaksanakan segera tindakan pemuliharaan saluran-saliran parit di dalam tapak sehingga air yang dilepaskan keluar daripada lot tanah tidak menyebabkan pencemaran.

Ternak babi secara terbuka cemar sumber air Kuala Langat

hanya melalui pengumpulan di kolam takungan dalam premis ternakan.

"Eftuen dari kolam ini disalurkan ke perparitan di luar premis dan akhirnya ke perairan pantai," katanya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, beliau mengatakan lawatan bersepadu ke beberapa premis ladang ternakan babi di Tanjung Sepat bersama agensi berkaitan, antaranya Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), Jabatan Alam Sekitar Negeri (JAS) Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat (PDTKL) dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL).

Susulan itu, katanya, beberapa tindakan dan usaha lanjut akan dilakukan segera, antaranya JPV akan mengarahkan semua pengusaha terbabit melaksanakan kerja pembersihan dan penyelenggaraan ke atas ladang ternakan dan sistem kumbahan dengan segera.

"Najis ternakan perlu dilupus-

Najis binatang dikumpul dalam kolam mengalir ke pantai

Oleh Ruwaida Md Zain
binews@bh.com.my

Shah Alam: Masalah pencemaran sumber air di daerah Kuala Langat di sini, dikesan disebabkan penternakan babi dan kawalan pencemaran secara konvensional.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian, berkata tinjauan di lokasi mendapati pengusaha ternakan itu tidak menggunakan kaedah penternakan kandungan tertutup seperti ditetapkan mengikut kaedah penternakan babi moden.

"Kita mendapati, pengurusan kumbahan najis ternakan



Koy Sian menjinjau ladang ternak babi di sekitar Tanjung Sepat. (foto:binews)

terdapat elemen pencemaran berlalu," katanya.

Ambil langkah proaktif


Beliau berkata, agensi berkaitan terutama JKV Selangor mengambil langkah proaktif dengan mengawal selia aktiviti penternakan babi di seluruh Selangor dari semasa ke semasa.

Katanya, beliau akan menyelaraskan perbincangan lanjut

bersama Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pertanian & Perladangan, Izham Hashim untuk mengadakan sesi dialog bersama persatuan dan semua pengusaha penternakan babi di Selangor.

"JPV akan menyelaraskan perancangan dan memperkemaskan pengurusan operasi ternakan bersama pengusaha berkaitan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2022	HARIAN METRO	MUKA DEPAN	1



PENCEMARAN NAJIS BABI DI KUALA LANGAT

Tauke tak guna cara penternakan tertutup!

ga air yang dilepaskan keluar daripada lot tanah tidak mencemarkan.

"Pensampelan kualiti air juga akan dilaksanakan dan tindakan perundangan akan diambil sekiranya terdapat elemen pencemaran berla-ku," katanya.

Beliau berkata, agensi ber-kaitan terutama JKV Selang-or mengambil langkah proaktif dengan mengawal selia aktiviti penternakan babi di seluruh Selangor dari masa ke semasa.

"Berdasarkan rekod JPV, 118 premis ternakan babi ak-tif beroperasi di daerah Kua-la Langat dan sebahagian ke-cil di daerah Sepang.

"Ternakan ini dijalankan di atas tanah lot berstatus pertanian. Kesemua premis ini beroperasi dengan lesen didaftarkan JPV," katanya.

Oleh Ruwaida Md Zain
arn@hmetro.com.my

Shah Alam

Masalah pencemaran najis babi di Negeri Sembilan turut 'ber-jangkit' ke negeri ini apabila sumber air di daerah Kuala Langat turut dikotori aktiviti penternakan babi dan kawa-lan pencemaran secara kon-vensional.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancungan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian berkata, tinjauan di lokasi mendapati pengusaha tidak menggunakan kaedah pen-ternakan tertutup (*close hou-se*) seperti kaedah *Modern Pig Farming*.

beberapa premis ladang ter-nakan babi di Tanjung Sepat bersama agensi berkaitan antaranya Lem-baga Urus Air Selangor (Luas), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (PV), Jabatan Alam Sekitar Negeri Se-langor (Jas), Pejabat Daerah dan Tanah Kuala

"Ejueh daripada kolam ini seterusnya disalurkan ke perparitan di luar premis Hee"

Langat (PDTKL) dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL).

Susulan itu katanya, bebe-rapa tindakan dan usaha la-jut akan dilak-ukan segera antara JPV akan menga-rakan semua pengusaha terba-bit melaksanakan kerja-kerja

pembersihan dan penye-lenggaraan ke atas ladang ternakan dan sistem kum-bahan dengan segera.

"Najis ternakan perlu di-lupuskan di luar kawasan la-dang ternakan dan dibantar ke tapak pelupusan yang di-benarkan.

"Luas akan mengarahkan pemilik tanah berkaitan un-tuk melaksanakan segera tindakan pemulihan saliran parit di dalam tapak sebing-



HEE (kiri) mengadakan lawatan bersepadu ke atas beberapa premis ladang ternakan babi di Tanjung Sepat.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	5

Pengusaha babi diarah bersih ladang

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED
utusannews@mediamail.com.my

SHAH ALAM: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) mengarahkan semua pengusaha ternakan babi di Tanjung Sepat melaksanakan segera kerja-kerja pembersihan dan penyelenggaraan ke atas ladang dan sistem kumbahan mereka.

Selain itu, najis ternakan berkenaan diarahkan supaya dilupuskan di luar kawasan ladang dan dihantar ke tapak pelupusan yang dibenarkan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Orang Asli Selangor, Hee Loy Sian berkata, arahan itu dikeluarkan selepas pihaknya memandang serius isu pencemaran yang dilaporkan *Utusan Malaysia* pada 15 September lalu.

Kata beliau, lawatan bersepadu telah dijalankan JPV, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS), Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat (PDTKL) dan Majlis Per-

● Alliran anak sungai, parit warna hitam ● 7,000 penduduk hidu bau busuk

30 tahun derita pencemaran babi

30 tahun derita pencemaran babi di Kuala Langat, Selangor, yang menyebabkan air sungai, parit dan sungai di sekitar kawasan tersebut berwarna hitam pekat dan berbau busuk. Hal ini telah berlaku sejak 30 tahun yang lalu. Pihak berkuasa yang terlibat dalam menangani masalah ini termasuklah JPV, LUAS, JAS, PDTKL dan Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL).

bandaran Kuala Langat (MPKL) di beberapa premis ladang ternakan babi di Tanjung Sepat, 23 September lalu.

"Hasil lawatan mendapati pencemaran sumber air berlaku kerana kaedah penternakan dan kawalan pencemaran konvensional iaitu bukan kaedah penternakan tertutup seperti kaedah Modern Pig Farming.

"Pengurusan kumbahan najis ternakan hanya melalui pengumpulan di kolam takungan di premis ternakan dan efluen disalurkan ke perparitan luar premis dan perairan pantai," katanya dalam kenyataan se-

malam.

Jelas Loy Sian, selain JPV, LUAS akan mengarahkan pemilik tanah berkaitan segera melaksanakan tindakan pemulihan saluran parit sehingga air yang dilepaskan keluar daripada lot tanah tidak mencemarkan.

"Pensampelan kualiti air juga akan dilaksanakan dan tindakan perundangan diambil sekiranya berlaku elemen pencemaran.

"Bagi jangka panjang, sesi dialog bersama persatuan dan pengusaha ternakan babi di Selangor akan dijalankan bagi menyalurkan pengurusan operasi ternakan," ujarnya.

UTUSAN Malaysia
15 September 2022.

Baja padi, racun serangga perlu jadi barang kawalan kurang beban pesawah

KUALA SELANGOR: Baja padi dan racun serangga perlu disenaraikan sebagai barang kawalan bagi menangani kenaikan harga pasaran dan meringankan beban pesawah di negara ini.

Keadaan itu berikutan masalah kemerosotan hasil padi dan kos pertanian yang semakin meningkat.

Ahli Jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Noh Omar berkata, cadangan itu perlu dilaksanakan sebagai usaha membantu kerajaan mengawal kenaikan harga input pertanian ketika ini.

"Pesawah kini bukan saja berdepan kos harga pertanian malah masalah serangan penyakit padi, serangga perosak, ribut dan banjir," katanya selepas Majlis Hari Ladang Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor di Pukal Blok E Sawah Sempadan, Tanjung Karang di sini, semalam.

Jelas Noh yang juga Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, cadangan itu akan



NOH Omar bersama pemenang anugerah pada Majlis Hari Ladang Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor di Pukal Blok E Sawah Sempadan, Tanjung Karang, semalam.

dibawa kepada mesyuarat Jawatankuasa berkenaan minggu depan.

Kata beliau, kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sudah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu meningkatkan taraf hidup pesawah antaranya

menyalurkan semula bantuan pesawah berjumlah RM800 setahun bagi dua musim sementara menunggu hasil tuaian padi.

"Insentif berkenaan pernah diperkenalkan kerajaan Barisan Nasional (BN) namun dihentikan Pakatan Harapan (PH) dan

kini dikembalikan semula kerajaan," ujarnya.

Dalam pada itu, Noh meminta IADA Barat Laut Selangor terus memfokuskan bantuan berterusan kepada pesawah bagi memajukan sektor pertanian.

"Kita perlu memastikan pesawah kekal menanam padi ker-

ana mereka akan mencari jalan keluar lain jika hasil menurun.

"Walaupun peraturan IADA tidak membenarkan perkara itu, keadaan mendesak memungkinkan mereka beralih kepada tanaman sayuran, kelapa sawit atau mengusahakan inap desa," katanya.

Baja, racun serangga jadi barang kawalan

Oleh ISKANDAR SHAH MOHAMED

KUALA SELANGOR - Baja padi dan racun serangga akan dicadangkan sebagai barang kawalan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi ringgu depan.

Ahli Jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Noh Omar berkata, cadangan dasar itu perlu dilaksanakan sebagai usaha membantu kerajaan mengawal kenaikan harga input pertanian ketika ini.

Menurutnya, ia juga bertujuan meringankan beban pesawah, di negara ini yang turut mengalami masalah kemerosotan hasil padi.

"Pesawah kini bukan saja berdepan kos harga pertanian, namun masalah serangan penyakit padi, serangga perosak, ribut dan banjir.

"Justeru, cadangan menetapkan kan harga kawalan bagi baja dan racun perlu dilaksanakan bagi membantu pesawah di seluruh negara termasuk Tanjung Karang," katanya selepas Majlis Hari Ladang Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor di Pukal Blok E Sawah Sempadan, Tanjung Karang di sini semalam.

Noh yang juga Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi memberitahu, kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sudah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu meningkatkan taraf hidup pesawah.

Katanya, inisiatif itu antaranya menyahurkan semula ban-tuan pesawah berjumlah RM900 serahun bagi dua muatn seman-tara menunggu hasil tuai padi.

"Insentif berkenaan pernah diperkenalkan kerajaan Barisan Nasional (BN), namun dibengikan Pakatan Harapan (PH) dan kini dikembalikan semula kerajaan," ujarnya.

Dalam pada itu, Noh meminta Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor terus memfokus-kan bantuan berterusan kepada pesawah bagi memajukan sektor pertanian.

"Kita perlu memasatkan pesawah kekal menanam padi kerana mereka akan mencair jalan keluar lain jika hasil menurun.

"Walaupun peraturan IADA tidak membenarkan perkaru itu, keadaan merdesak memung-kinakan mereka beralih kepada tanaman sayuran, kelapa sawit atau mengusahakan inap desa," ujarnya.



NOH (lima dari kanan) bersama penerima anugerah pesawah terbaik di Tanjung Karang semalam.

Jadikan baja, racun barang kawalan

Bagi tangani kenaikan harga input pertanian di pasaran pada masa ini

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN
TAHIR
TANJONG KARANG

Kerajaan dicadang melaksanakan dasar menjadikan barangan pertanian seperti baja dan racun dalam senarai harga kawalan bagi menangani kenaikan harga di pasaran.

Ahli Jawatankuasa Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi, Tan Sri Noh Omar berkata, dasar itu perlu dilaksanakan sebagai usaha membolehkan kerajaan mengawal kenaikan harga input pertanian pada masa ini.

"Kalau harga input pertanian tidak dikawal, bagaimana (kerajaan) hendak mendorong minat terutama golongan muda menjadi pesawah."

"Pesawah ketika ini bukan sahaja berdepan dengan kenaikan kos harga pertanian, sebaliknya berdepan dengan masalah serangan penyakit padi, ribut dan banjir," katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Hari Ladang Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (JADA) Barat Laut Selangor di Pusat Belian Padi Blok E Sawah Sempadan di sini pada Rabu.

Noh yang juga Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi berkata, cadangan itu akan dibawa kepada jawatankuasa itu pada minggu depan.

Menurut beliau, kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah melaksanakan pelbagai pendekatan bagi membantu pesawah meningkatkan taraf hidup.



Noh (tengah dari kanan) bergambar bersama penerima anugerah pesawah pada Majlis Hari Ladang JADA Barat Laut Selangor di Tanjong Karang pada Rabu.

"Antara usaha dilaksanakan itu termasuk menyeluruhkan semula bantuan kepada pesawah berjumlah RM400 bagi tempoh enam bulan dengan jumlah keseluruhan RM1800 setahun untuk dua musim semestara menunggu hasil tuatan padi," katanya.

Dalam pada itu, Noh me-

mintta IADA Barat Laut Selangor terus memberi tumpuan dan sokongan berterusan kepada pesawah bagi memajukan sektor pertanian.

Katanya, pesawah tentunya lebih bersemangat sekiranya hasil pendapatan mereka meningkat sekali gus memperbaiki taraf hidup lebih baik.

"Kita perlu memastikan pesawah seronok dan kekal menanam padi dan jika hasilnya sudah tentu mereka akan cari jalan keluar lain dan mungkin beralih kepada tanaman sayuran, kelapa sawit atau mengusahakan inap desa," katanya.

19 nelayan Vietnam ditahan

Tiga tan hasil laut, dua bot bernilai RM1.3 juta dirampas

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
bhnews@bb.com.my

Mersing: Kira-kira tiga tan hasil tangkapan laut dan dua bot nelayan asing dianggarkan bernilai RM3.1 juta dirampas dalam operasi bersepadu di kedudukan 12.8 batu nautika timur laut Pulau Aur, di sini, kelmarin.

Turut ditahan dalam operasi jam 2.30 petang itu, 19 kru warga Vietnam berusia antara 18 hingga 51 tahun kerana gagal mengemukakan pengenalan diri yang sah.

Pengarah Zon Maritim Mersing, Komander Maritim Khairul Nizam Misran, berkata ia hasil kejayaan operasi penguatkuasaan Op Jaksa dan Op Bersepadu oleh Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Zon Maritim Mersing bersa-



Maritim Malaysia merampas 3,000 kilogram hasil laut dan dua bot nelayan asing bernilai kira-kira RM1.3 juta dalam operasi bersepadu di kedudukan 12.8 batu nautika timur laut Pulau Aur, Mersing, Johor.

(Foto ihsan Maritim Malaysia)

ma Pasukan Polis Marin (PPM). Katanya, kedua-dua bot nelayan asing itu ditahan ketika menunda pukat secara bergandeng.

"Ia susulan aduan awam daripada kru bot memancing yang berada berdekatan pulau berkenaan," katanya dalam kenyaa-

taan, semalam.

Beliau berkata, kes disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigrasi 1969/1963 kerana gagal

mempermerkan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Dua bot beserta peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan dan 19 kru ditahan itu kemudian dibawa ke Jeti Maritim Malaysia Pos Teluk Gading untuk siasatan lanjut," katanya.

Ia susulan aduan awam daripada kru bot memancing yang berada berdekatan pulau berkenaan.



Khairul Nizam Misran, Pengarah Zon Maritim Mersing

Tjada kompromi

Beliau berkata, Maritim Malaysia tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terbabit dengan aktiviti pencerobohan kapal penangkapan ikan negara asing bagi mengaut hasil laut dalam perairan negara.

"Maritim Malaysia mengingatkan komuniti maritim supaya sentiasa mematuhi undang-undang dan sekiranya gagal, tindakan sewajarnya akan dikenakan," katanya sambil menambah, aduan jenayah boleh disalurkan menerusi talian kecemasan MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Johor di talian 07-2199404.

Rampas hasil laut RM3.1 juta

19 kru warga Vietnam ditahan ketika aktiviti tunda pukat secara bergandingan

Oleh Mohamad Fahd Rahmat
 am@bmetro.com.my

Mersing

Kira-kira 3,000 kilogram (kg) hasil tangkapan laut dan dua bot nelayan asing bernilai kira-kira RM3.1 juta dirampas dalam operasi bersepadu di kedududukan 12.8 batu nautika timur laut Pulau Aur di sini, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Mersing, Komander Maritim Khairul Nizam Misran berkata, turut ditahan 19 kru warga Vietnam berusia 18 hingga 51 tahun dalam operasi 51 petang itu selepas gagal mempamerkan pengenalan diri yang sah. Katanya, kejayaan hasil operasi penguatkuasaan Op Jaksa dan Op

mancing yang berada berdekatan dengan pulau tersebut," katanya dalam satu kenyataan, semalam. Beliau berkata, kes akan disiasat mengikut Akta Perikanan 1985 kerana menceroboh dan menangkap ikan di perairan Malaysia tanpa kebenaran dari Pengarah Perikanan Malaysia dan Akta Imigresen

1959/1963 kerana gagal mempamerkan dokumen pengenalan diri yang sah. "Dua bot beserta peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan dan 19 kru ditahan itu dibawa ke Jeti Maritim Malaysia Pos Teluk Gadang untuk siasatan lanjut," katanya.

Beliau berkata, APMM secara tegas mengambil serius dan tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang melanggar undang-undang dan sekiranya akan dikenakan tindakan sewajarnya," katanya.

Katanya, sebarang aduan jenayah segera hubungi talian kecemasan MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Johor di talian 072199404.

3,000kg
 Hasil tangkapan laut dirampas dalam operasi bersepadu di kedududukan 12.8 batu nautika timur laut Pulau Aur, Mersing



PIHAK berkuasa merampas hasil tangkapan laut bersepadu dua bot nelayan asing pada kedududukan 12.8 batu nautika timur laut Pulau Aur, Mersing. - Gambar Insan Maritim Malaysia

Tali air penuh semak samun dibersihkan hujung bulan ini

ALOR SETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) akan menjalankan kerja-kerja membersihkan tali air di Kampung Bukit Sireh di sini yang didakwa tidak diselenggara sehingga dipenuhi semak samun bermula hujung bulan ini sehingga pertengahan Oktober depan.

Timbalan Pengurus Besar (Teknikal) MADA, Ir. Nik Kun Nik Man berkata, hasil siasatan mendapati aduan pesawah yang dilaporkan afhabar Kosmo! baru ini melibatkan tali air T1b-1 sepanjang dua kilometer.

Katanya, ia terletak dalam ka-

singan berikutan penstrukturan semula peruntukan kewangan bagi tahun 2022," katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, bagi tali air tersebut, kerja-kerja pembersihan bagi pusingan pertama telah dilaksanakan pada Mac 2022 lalu.

"Kerja-kerja pembersihan bagi pusingan kedua pula dijadualkan bermula pada penghujung bulan ini sehingga pertengahan Oktober depan," ujarnya.

Tambahnya, MADA sentiasa komited untuk memastikan kawasan tali air sentiasa dibersihkan.



KERATAN Kosmo! 23 September 2022.

wasan MADA baharu di blok pengairan Skim Lampam Rambai seliaan Lokality D-III Titi Haji Idris.

"Kerja-kerja pembersihan tali air di seluruh kawasan MADA telah dikurangkan kepada dua pu-



PESAWAH menunjukkan sawah penuh semak samun di Kampung Bukit Sireh, Pokok Sena baru-baru ini.

Agrobank lancar program kafe, koperasi tanpa tunai

PETALING JAYA: Agrobank melancarkan Program Kafe & Koperasi Tanpa Tunai pertama serumpamanya di Kolej Tingkatan Enam Pontian, Johor.

Ia merupakan usaha Agrobank mempromosi ilmu perurusan kewangan dan menggalakkan pendigitalan kewangan dalam urus niaga tunai harian terutama dalam kalangan pelajar institusi pendidikan tinggi.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Husin berkata, program itu dibangunkan khusus untuk pelajar kolej berkenaan dengan objektif menyemai budaya perurusan wang yang betul agar mereka lebih bersedia dan bijak mengurus kewangan sekali gus menjalankan transaksi secara digital.

Tambah beliau, program itu dibangunkan dengan kerjasama Koperasi Kolej Tingkatan 6



KETUA Jabatan Saluran dan Pengedaran Agrobank, Syed Hairul Anuar Syed Fadzil melancarkan Program Kafe & Koperasi Tanpa Tunai di Kolej Tingkatan Enam Pontian, Johor.

Pontian dan Pejabat Pendidikan Daerah Pontian, merupakan pengenalan kepada medium baharu yang dibentuk khusus untuk pelajar kolej tersebut mengenai pengurusan mudah pendigitalan kewangan.

“Pelajar dan warga kerja kolej kini hanya perlu mengimbas kod QR di kafe atau koperasi menggunakan telefon bimbit pintar ketika membuat bayaran di kantin atau koperasi,” katanya dalam kenyataan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2022	UTUSAN MALAYSIA	GAYA INOVASI	26



Mesin pencincang M'SReD bantu lupus kulit durian

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamula.com.my

Di sebalik harga durian yang mencecah ratusan ringgit, kulit raja buah itu sering dianggap sebagai sampah dan tidak mempunyai sebarang manfaat.

Namun, sampah yang dahulunya mencerminkan pandangan dan alam sekitar, kini boleh dijadikan sebagai baja kompos, sekali gus meningkatkan pendapatan petani, penjual mahu pun pengusahanya.

Selain menjana taraf ekonomi golongan sasar, cetusan idea sekumpulan penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) itu pada masa sama dapat mengatasi isu pengurusan kulit durian yang berlarutan sejak sekian lama.

Ketua penyelidikinya, Prof. Ts. Dr. Rosnah Shamsudin berkata, pihaknya terpenggil untuk menghasilkan mesin pencincang kulit durian berbilang bilah yang dikenali sebagai M'SReD itu bagi mengurangkan masalah kepada alam sekitar.

Katanya, amat penting sisa pertanian itu dikitar semula kepada kompos memandangkan Malaysia



DR. ROSNAH SHAMSUDIN

mengeluarkan kuantiti durian yang tinggi, saban tahun.

Menurutnya, M'SReD direka cipta dengan menggunakan mekanisme carik dan koyak untuk mencincang kulit durian atau kulit buah yang mempunyai kandungan selulosa tinggi kepada saiz lebih kecil untuk proses kepelbagaian produk.

"Sisa pertanian seperti durian, kapur, pisang, nenas dan tebu kaya dengan lignoselulosa yang berpotensi digunakan sebagai sumber boleh diperbaharui, maka sangat penting untuk kita

memperkenalkan teknologi ini bagi mengurangkan sisa, di samping meningkatkan pendapatan petani melalui kaedah kompos.

"Malah, kos penyediaan makanan haiwan juga dapat dikurangkan kerana sisa itu boleh dijadikan makanan kepada haiwan ternakan, sekali



MESIN M'SReD mudah dikendalikan tanpa memerlukan tenaga kerja mahir, selain bersifat mudah alih.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/9/2022	UTUSAN MALAYSIA	GAYA INOVASI	27



REKAAN mesin pencincang kulit durian berbilang bilah mampu mengurangkan masalah alam sekitar.

gus mengurangkan kebergantungan kepada bekalan import," katanya ketika ditemui di Fakulti Kejuruteraan UPM di Serdang, baru-baru ini.

Rosnah yang merupakan pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Proses dan Makanan, Fakulti Kejuruteraan, UPM berkata, M'SReD dibangunkan bersama empat penyelidik lain iaitu Ir. Dr. Mohammad Effendy Yaacob; Prof. Dr. Azrina Azlan; Mohd. Hafizz Wandi dan Dr. Nur Izzah Nabilah Haris menerusi kajian selama tiga tahun yang bermula sejak 2018.

Katanya, kajian itu bukan sahaja menyumbang kepada pembangunan dan reka bentuk proses pengilangan sisa bio, terutama dalam sektor durian di Malaysia, malah menyokong Matlamat Pembangunan Mampuan 9 (SDG 9).

MESIN MUDAH ALIH, JIMAT TENAGA

Menurut Rosnah, teknologi yang dikomersialkan di bawah syarikat Flanker Tech Sdn. Bhd. itu berbeza berbanding produk sedia ada lain kerana proses mencincang kepada cebisan kecil dapat dilakukan dengan pantas.

Katanya, M'SReD merupakan mesin yang mudah dikendalikan tanpa memerlukan tenaga kerja mahir, selain bersifat mudah alih dan dapat dibawa ke mana-mana lokasi operasi.

Malah, ujarnya, kualiti hampas durian yang dihasilkan adalah lebih

M'SReD (mesin pencincang kulit durian berbilang bilah)

- » **Fungsi**
mencincang kulit durian atau kulit buah yang mempunyai kandungan selulosa tinggi kepada saiz lebih kecil bagi dijadikan kompos.
- » **Kapasiti**
boleh memuatkan sehingga 150 kilogram kulit durian per jam
- » **Kelebihan**
Proses mencincang kepada cebisan kecil dapat dilakukan dengan pantas, mudah dikendalikan tanpa tenaga kerja mahir, kualiti hampas baik dan jimat tenaga

baik kerana saiz yang kecil menjadikan kompos mudah untuk diproses di peringkat seterusnya.

"Di samping itu, penggunaan mesin ini dapat menjimatkan tenaga kerana tidak menggunakan enjin yang besar bagi mencincang isi durian dalam kuantiti banyak," katanya.

Rosnah berkata, proses mencincang bermula apabila kulit durian melalui bahagian acuan kekal atau *fixed die* dan bilah.

Katanya, M'SReD yang mampu memuatkan sehingga 150 kilogram kulit durian per jam boleh diaplikasikan dalam industri pertanian, termasuk di kilang-kilang durian mahu pun buah-buahan di samping



M'SReD yang mampu memuatkan sehingga 150 kilogram kulit durian per jam boleh diaplikasikan dalam industri pertanian, termasuk di kilang-kilang durian mahu pun buah-buahan di samping petani dan penternak."

petani dan penternak.

Malah, menurutnya, mesin itu juga boleh dimanfaatkan bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan (R&D) oleh agensi kerajaan, swasta dan universiti.

"Teknologi ini boleh diperluaskan ke seluruh dunia, terutama di negara-negara pengeluar buah-buahan misalnya Malaysia, Indonesia dan Thailand yang mempelopori durian, diikuti oren (Brazil dan China), di samping betik (India)," katanya.

Tambah Rosnah, ketika ini mereka giat mencari rakan strategik bersama mana-mana syarikat yang berminat ke arah pengkomersialan/ perlesenan M'SReD.



PENGUNAAN M'SReD dapat menjimatkan tenaga kerana tidak menggunakan enjin besar.

Atasi pencemaran

ROSNAH berkata, longgokan kulit durian, terutama yang dibuang secara haram bukan sahaja mencemarkan alam sekitar, malah dibimbangi membawa penyakit kepada penduduk setempat.

Katanya, selain mengeluarkan bau busuk dan mengundang lalat, sisa pertanian yang mengambil masa lama untuk terlerai itu juga boleh menjadi tempat pembiakan nyamuk serta tikus.

Ujarnya, individu yang membuang kulit durian secara haram boleh didakwa mengikut Seksyen 71(1) Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 (Akta 627) yang memperuntukkan denda maksimum RM100,000



Longgokan kulit durian, terutama yang dibuang secara haram bukan sahaja mencemarkan alam sekitar, malah dibimbangi membawa penyakit kepada penduduk setempat."

atau penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.



LONGGOKAN kulit durian bukan sahaja mencemarkan alam sekitar, malah dibimbangi membawa penyakit kepada penduduk setempat.